

## **Leftenan Adnan: Manifestasi Penggunaan Retorik dalam Filem**

### ***Leftenan Adnan: Manifestation of Rhetoric Use in Filem***

Nor Hafidah Ibrahim, Melor Fauzita Md. Yusoff & Rohaya Md. Ali

norhafidah@uum.edu.my, fauzita@uum.edu.my aya@uum.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa, Falsafah dan Tamadun, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

#### **ABSTRAK**

*Filem sebenarnya mampu memaparkan agenda dalam kehidupan masyarakat dan juga mampu menjana pendapatan ekonomi negara. Sedikit sebanyak jalan cerita yang dipaparkan boleh mempengaruhi cara pemikiran masyarakat. Misalnya, filem berlatar patriotisme membawa masyarakat berfikir dan memahami sejarah dan perjuangan yang berkaitan dalam mempertahankan maruah bangsa, negara dan agama. Aspek retorik dalam sesebuah filem turut menyumbang kepada keberkesanan filem yang ditayangkan. Oleh itu, kajian ini akan meneliti aspek penggunaan retorik dalam filem Leftenan Adnan arahan Aziz M. Osman. Justeru, filem sebenarnya turut memberi kesan pengajaran, pembelajaran serta pengalaman kepada penonton. Secara umumnya, aspek retorik ini dapat menzahirkan semangat perjuangan dan rasa sayangkan negara melalui skrip yang baik dan berkesan. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Keseluruhan skrip filem ditranskripsikan bagi memperoleh data yang berkaitan dengan kajian. Dapatan kajian menunjukkan filem Leftenan Adnan mampu memantapkan penggunaan retorik dengan berkesan. Filem turut memberi gambaran kepada masyarakat mengenai budaya serta sejarah sesuatu bangsa dan negara. Mesej penghayatan nilai-nilai patriotisme dalam masyarakat juga dapat diterjemahkan kepada penonton dengan aspek retorik yang jelas.*

**Kata kunci-** aspek retorik, bahasa, patriotisme, filem

#### **Abstract**

The film is actually capable of displaying agendas in the lives of the people besides generating the country's income. A long or a short story can influence the way people think. A patriotic based film will make people think and understand the history and the related struggles in defending race dignity, nation and religion. The rhetoric aspect in a film also contributes to the effectiveness of the movie being aired. This study will examine aspects of the use of rhetoric in Lieutenant Adnan's movie directed by Aziz M. Osman. The movie essentially affects the audience learning and experience. In general, this rhetoric aspect can bring about the spirit of struggle and the love of the country through good and effective scripts. This study uses a qualitative method. The entire movie script was transcribed to obtain data related to the study. The findings show that Lieutenant Adnan's film was able to manifest the use of rhetoric effectively. The film also gives an overview of the culture and history of the race and nation. The message appreciates the values of patriotism in society which are presented to the audience in a clear rhetoric style.

**Keywords-** rhetorical, language, patriotism, film

## PENDAHULUAN

Umumnya penelitian perfileman di Malaysia banyak dihasilkan, sama ada oleh sarjana akademik mahupun oleh kalangan tokoh atau pengamal yang terlibat secara langsung dalam industri perfileman itu sendiri. Kajian terhadap filem dan hubung kaitnya dengan sejarah dan budaya bukanlah sesuatu yang baharu. Ferro (1983) menekankan beberapa kepentingan filem dalam memaparkan sejarah. Manakala Prendergast (1986) membincangkan filem dalam konteks budaya.

Penerbitan filem di Malaysia bermula seawal tahun 1930-an dan mencapai kemuncak kegemilangan sekitar tahun 1950-an hingga 1960-an. Filem pada masa itu bukan sekadar memberi hiburan, malah berperanan dalam memberi kesedaran dan menzahirkan cara masyarakat berfikir.

Selain itu, filem berperanan dalam meningkatkan ekonomi. Jumlah kutipan yang besar dapat menyumbang kearah pembangunan negara. Filem turut memberi gambaran kepada masyarakat mengenai budaya serta sejarah sesuatu bangsa dan negara. Pengarahan filem yang baik dapat membantu masyarakat dalam memahami erti sejarah dengan lebih berkesan.

Oleh yang demikian filem yang berbentuk patriotisme ini sebenarnya dapat menyuntik semangat kepada masyarakat untuk menghargai dan menyayangi sesebuah negara yang mereka diami. Dengan adanya filem-filem berbentuk patriotisme ini dapat memberi ruang kepada masyarakat untuk berkarya dalam mempertahankan negara. Pengarahan idea oleh pengarah dengan menggunakan bahasa yang baik dan berkesan mampu menghidupkan lakonan tersebut. Di samping itu, secara tidak langsung bahasa dalam filem turut berperanan untuk menghasilkan skrip dan lakonan berkesan.

Filem *Leftenan Adnan* yang diterajui oleh syarikat produksi melibatkan Kementerian Pertahanan Malaysia, Grand Brilliance dan Paradigm Filem. Kos untuk sebuah filem ini melibatkan perbelanjaan RM 2.5 juta. Tempoh tayangan yang selama 90 minit ini telah memberi pengaruh besar kepada masyarakat mengenai filem berbentuk patriotik. Filem, mengikut Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung (1996:5) sebagai imej yang terhasil dalam bentuk visual bergerak yang mengandungi unsur - unsur penceritaan yang ditulis dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakamkan menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan pelbagai kaedah teknikal dan digarap menjadi hasil karya seni, yang mempunyai pelbagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan secara tayangan di panggung wayang dan televisyen.

Di samping itu, disebabkan filem dihasilkan mempunyai tujuan, maka filem itu sudah tentu mempunyai fungsi dalam masyarakat, di samping mencerminkan dan menyatakan segi-segi yang kadang-kadang kurang jelas dalam masyarakat termasuk estetika (Adi Pranajaya, 1993: 7).

## KAJIAN LITERATUR

Dalam makalah ini pengkaji cuba menganalisis penggunaan retorik dalam filem *Leftenan Adnan*. Dalam hal ini filem yang dipilih sebenarnya dapat memberi kesan mendalam dalam memberi semangat patriotisme kepada penonton. Semangat patriotisme adalah perasaan sayang dan cintakan negara secara sedar dan mendalam sehingga mampu menjadi tenaga

pengerak mempertahankan negara daripada sebarang bentuk ancaman musuh yang berniat menghancurkan kedaulatan dan kemerdekaan negara. Menurut Kelman (1977) mendefinisikan patriotism sebagai “ *an ideology or a set of attitudes and beliefs that refers to individuals’ attachment and loyalty ...* ”.

Menurut beliau patriotisme adalah ideologi atau sejumlah sikap dan kepercayaan yang dibentuk bagi individu-individu menumpahkan taat setia dan kecintaan pada negara. Oleh itu, pengarah filem yang kreatif dapat menzahirkan hal ini dalam bentuk seni lakonan. Oleh yang demikian, terdapat persoalan dalam hal ini yang melibatkan masyarakat untuk memberi semangat kepada perjuangan negara yang telah merdeka. Semangat ini perlu dipupuk dalam anggota masyarakat supaya mereka mampu untuk mempertahankan negara sekiranya ada unsur-unsur negatif didalamnya. Ciri-ciri bahasa yang boleh digarab ini dipersembahkan kepada masyarakat dalam bentuk filem.

Selain itu, bahasa yang digunakan juga dapat memberi kesan sepenuhnya dalam filem. Kajian-kajian yang lepas selalunya berkisar mengenai konsep patriotism sebagai alat untuk meningkatkan lagi perasaan kecintaan rakyat Malaysia terhadap negara. Misalnya kertas kerja yang dikemukakan oleh Nazri Muslim dan Jamsari Alias (2004) hanya membincangkan mengenai konsep, halangan dan penyelesaian bagi mengukuhkan lagi semangat patriotisme khususnya dalam kalangan generasi muda. Manakala makalah ini akan meneliti penggunaan retorik yang terkandung dalam filem Leftenan Adnan yang mampu menyuntik semangat cintakan negara dan mampu mempertahankan kedaulatannya. Justeru, bahasa yang berkesan mampu mempamerkan keberkesanan nilai patriotisme bagi masyarakat untuk menghayatinya. Sehubungan itu, bahasa dalam filem ini boleh juga diterjemahkan sebagai bahasa dan pengucapan filem (Pisk, 1985), iaitu sesebuah seni budaya filem boleh menjadi ukuran terhadap ekspresi, penerimaan, penggarapan, pemeliharaan dan penghayatan. Filem arahan Aziz M. Osman dan dibintangi oleh pelakon utama iaitu Haire Othman, Umie Aida, Rambo Chin, Faizal Hussien, Rushdi Ramli dan beberapa orang lagi. Filem ini berkisar mengenai perjuangan Leftenan Adnan dalam mempertahankan negara daripada ancaman tentera Jepun semasa Perang Dunia ke-2. Tayangan filem ini adalah dalam tahun 2000. Tayangan filem ditayangkan kepada khalayak pada 31 Ogos 2000, semperna sambutan hari kemerdekaan Malaysia.

Secara keseluruhannya terdapat banyak penulisan umum berkait dengan industri perfileman Melayu dan dikategorikan kepada beberapa tema. Tema yang terdiri daripada sejarah perkembangan industri hiburan, keduanya tema soal budaya dan ketiga terdiri dari karya yang membincangkan filem dari aspek bahasa.

Retorik mengikut pandangan Lim (2007), merupakan satu perspektif untuk mentafsir dan mengungkapkan reality yang berubah dari masa ke masa. Retorik juga dicorakkan oleh saranan bahasa yang digunakan. Sehubungan dengan itu, Raja Mashittah Raja Ariffin (2007) turut berpendapat bahawa retorik sebagai alat yang berfungsi untuk menampilkan nilai seni, iaitu bahasa pemujukan dalam percakapan yang digunakan untuk menyatakan tentang pengalaman dan sering kali digunakan untuk menghasilkan bahasa dan menyampaikan mesej dengan jelas, padu dan bermakna.

Oleh yang demikian jelas bahawa penggunaan retorik dalam file mini dapat membantu kefahaman yang jelas mengenai sesuatu topik dan isu yang ingin dipersembahkan kepada penonton. Retorik yang baik mampu membawa penonton kepada kejelasan mengenai

cerita yang dilakonkan oleh pelakon dan memberi tumpuan dan fokus dalam filem yang di tayangkan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Dalam makalah ini objektif yang ingin dilihat adalah

- i) Menganalisis dan menghuraikan aspek penggunaan retorik dalam filem.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini dapat membantu dan memberi ruang kepada pembuat filem untuk lebih prihatin dengan penghasilan skrip dan bahasa yang digunakan. Bahasa dalam filem dapat mempengaruhi masyarakat. Seni budaya ini juga boleh berperanan membawa konsep secara mudah sebagai kaedah nilai *system of ideas and values*. Supaya masyarakat dapat menerima filem dan memberikan persepsi yang membawa erti sebagai kuasa penerimaan yang berkesan menerusi pancaindera.

Manakala tayangan filem Melayu yang ditayangkan mampu melaksanakan tanggungjawab sosial sebagai penyebar maklumat apabila bahasa yang digunakan berkesan dan mampu mempengaruhi jiwa masyarakat. Menurut Awang Sariyan (2006), mentakrifkan retorik sebagai strategi berbahasa yang memberi penekanan terhadap aspek keberkesanan dalam hubungan pengarang dengan pembaca. Oleh itu kajian ini penting dalam memberi makluman berkaitan retorik yang digunakan amat memberi kesan dalam hal penceritaan sesebuah filem.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah analisis kandungan digunakan untuk memerikan teks secara tekstual dan kontekstual. Objektif kajian adalah untuk menganalisis dan menghuraikan penggunaan retorik yang terdapat dalam filem Leftenan Adnan, arahan Aziz M.Osman. Kaedah kajian ini memberi tumpuan terhadap mesej dengan membuat penelitian secara sistematik terhadap kategori yang dipilih. Skrip atau dialog yang diperoleh melalui filem tersebut ditranskripsikan bagi memperoleh data. Analisa dan huraian dibuat berdasarkan dialog tersebut. Oleh itu, elemen yang diberi perhatian dalam hal ini melibatkan penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Jelasnya, penggunaan elemen retorik dalam filem penting kepada pengarah filem dan penerbit menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi fikiran, sikap dan fokus penonton.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Penggunaan retorik yang terlibat beberapa perkara seperti elemen penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan terdapat dalam filem ini. Oleh yang demikian, huraian diberikan dengan jelas dalam setiap perkara yang dinyatakan, antaranya:

1. Penceritaan

Retorik penceritaan merupakan satu bentuk penyampaian melalui cerita, sama ada penulisan atau lisan. Teknik penceritaan digunakan untuk memastikan karya yang

dihasilkan menarik, berkesan dan dapat mempengaruhi serta menyakinkan pembaca. Strategi dialog, monolog dan pemerian merupakan teknik yang menjadi pemilihan pengarang untuk menyampaikan idea kepada pembaca. Ciri yang sering terdapat dalam penceritaan termasuklah pendahuluan, perkembangan cerita, konflik dan peleraian atau pengakhiran sama ada secara kronologi atau tidak mengikut kronologi. Contoh dialog adalah seperti yang berikut, iaitu:

**i. (situasi di dalam kereta)**

Tuan : *Ismail, awak ada kenal anak Pak Saidi?*

Ismail Malim : *ehh cukup kenal tuan..nama dia Adnan. Kecik-kecik kami selalu main perang- perang..sekarang dia dah jadi askar. Saya pun ada mintak tuan, tapi*

*tak dapat..*

Tuan : *orang melayu jadi askar? Awak ingat orang melayu jadi askar yang baik?*

**ii. (Saigon, november 1941)**

Pegawai tentera Jepun : *(dalam bahasa jepun) perisik kita telah berjaya mengesan plan MATADOR bagi menyekat kemaraan kita. Kerajaan siam telah bersetuju untuk berkecuali dalam peperangan. Mereka membenarkan kita mendarat di*

*Singora dan Patani. Field Marshal Count Terauchi telah menyediakan lima Divisyen tentera darat bagi melaksanakan tugas kita dalam masa 100 hari. Dari maklumat perisikan F KIKAN, saya yakin kita hanya perlukan empat Divisyen sahaja untuk menakluk Malaya dan Singapura.*

Contoh dalam perkara (i) di atas, memperlihatkan penggunaan retorik penceritaan untuk menceritakan tentang seorang Pegawai Inggeris, bertanyakan mengenai latar belakang Leftenan Adnan dengan pemandunya didalam sebuah kenderaan. Situasi tersebut menjelaskan tentang pemandunya yang mempunyai hubungan sangat rapat terutama semasa zaman kakan-kanak dahulu. Pemandunya jugan turut berkongsi cerita bahawa beliau juga pernah hadir dalam sesi temu duga untuk menjadi askar tetapi tidak berjaya manakala Adnan berjaya dipilih sebagai askar Melayu. Kebanyakn orang Inggeris tidak menaruh kepercayaan kepada kehebatan dan pemikiran orang Melayu dalam bidang tentera. Penceritaan telah dilakukan bagi menjelaskan maksud yang ingin disampaikan. Penggunaan retorik penceritaan dalam contoh ini membantu pengarang dan pengarah untuk menghasilkan sesebuah karya yang menarik dan mudah difahami penonton.

Dalam contoh (ii) di atas, menceritakan mengenai pergerakan tentera jepun yang akan menawan tanah Melayu dan Jepun. Dalam tempoh 100 hari mereka akan dapat menawan kedua buah negara tersebut. Hal ini diceritakan melalui seorang pegawai tentera Jepun.

**2. Pendedahan**

Retorik pendedahan atau eksposisi digunakan untuk menyampaikan idea, pendapat, pandangan dan maklumat secara terperinci dan berkesan. Penggunaan retorik pendedahan dapat memaparkan dan memperlihatkan kegiatan atau proses yang dahulunya asing kepada hal tersebut. Retorik pendedahan memperlihatkan dan menampakkan atau menyingkap

sesuatu perkara atau maklumat dengan jelas dan terperinci. Tujuan retorik ini adalah untuk memindahkan idea atau maklumat daripada seseorang kepada khalayak dengan berkesan

**i. (Di tepi tasik)**

*Adnan : sejarah melayu membuktikan kita pernah menakluk nusantara, kita mampu membina empayar besar, mampu membuat kapal-kapal besar. Lebih besar dari*

*Flora De La Mar milik Portugis. Itu sebelum kita dijajah. Orang lain nampak kelebihan kita, kehebatan kit. Sebab itu mereka takut bila kita nak menuntut hak*

*Sembilan, kita. Betapa susahnya Paduka Seri Sultan Perak, Yamtuan Besar Negeri*

*Raja Chulan dan Undang Luak Rembau memperjuangkan untuk menubuhkan askar Melayu kerana mereka tahu Melayu yang merdeka mampu menggegarkan*

*dunia! Ingat.. bangsa Melayu bangsa bebas dan berdaulat dan bangsa Melayu jua yang mencipta pepatah 'biar putih tulang, jangan putih mata'.*

Dalam contoh (i) di atas, menerangkan tentang retorik pendedahan yang digunakan oleh pengarah dalam filem tersebut. Pendedahan yang dilakukan ialah berkaitan dengan kekuatan orang Melayu pada zaman dahulu sebelum berlaku penjajahan. Penubuhan askar Melayu dapat mengegarkan dunia. Pendedahan seumpama ini dapat mempengaruhi khalayak yang tidak tahu mengenai hal sejarah. Hal sedemikian dapat membantu pengarah menampilkan suatu pendedahan yang perlu diketahui oleh umum dan penonton.

**3. Pemerian**

Retorik pemerian ini ditakrifkan sebagai retorik yang memperlihatkan penggunaan bahasa untuk menjelaskan sesuatu perkara yang berlaku. Pemerian juga melibatkan teknik penggunaan bahasa yang berbentuk penjelasan atau huraian tentang sesuatu idea. Selain itu, penggunaan retorik pemerian ini boleh memperlihatkan gaya deskriptif dan informatif. Retorik ini bertujuan untuk menyampaikan fakta dan maklumat yang lengkap kepada pembaca atau pendengar. Selain itu, retorik pemerian digunakan untuk memberi gambaran yang lebih realistik. Contoh adalah seperti yang berikut, iaitu

**i. (Bukit Serene, Johor Bahru)**

*Pegawai tentera Jepun :(dalam bahasa Jepun) manusia berkehendakkan hidup dan bencikan mati. Tetapi sekiranya kita mati hari ini...ini amat mendukacitakan kerana maut tiba ketika kita masih berjuang. Sekalipun kita harus mati disini, biar selepas kita menakluk Singapura.*

Contoh (i) di atas menggambarkan bahawa kematian perlu dielakkan demi sebuah perjuangan dalam mempertahankan sesebuah negara. Perjuangan yang jelas perlu dilaksanakan sehingga nafas terakhir. Sekiranya pejuang mati dalam pertempuran itu adalah suatu sifat yang terbaik dan walaupun memberi kesan kedukaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa retorik pemerian dalam filem ini mampu memberi semangat juang yang tinggi. Ini kerana ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan realistik kepada penonton mengenai sesebuah karya.

**4. Pemujukan**

Retorik pemujukan bertujuan untuk meraih simpati dan perhatian daripada pembaca dan penonton agar bertindak mengikut sesuatu yang disarankan oleh pengarang. Retorik

pemujukan menggunakan bahasa pujukan untuk mempengaruhi pemikiran dan keyakinan orang lain supaya mempercayai sesuatu perkara yang diperkatakan. Retorik jenis ini menggunakan bahasa yang manis, menarik dan mementingkan kehalusan berbahasa. Contoh dapat dilihat adalah seperti yang berikut, iaitu:

**i. (Di rumah tok mudim)**

*tok mudim : hmm..adnan..kemarin kamu acu senapang kat atok kan? hari ni  
atok nak tengok pistol kamu pulak. Jangan takut..lepas ni kamu dah jadi anak  
teruna dah..haa..minum air jampi tok ni..minum, minum,  
minum..minum..apabila  
besar nanti..boleh jadi seorang pahlawan negara. kamu sambung warisan  
datuk  
nenek moyang kita. Teru berjuang membela  
agama,bangsa dan tanah air kita. Ingat Adnan..jangan sia-  
siakan amanah yang diberikan pada kamu.*

Contoh petikan (i) di atas, menjelaskan bahawa retorik pemujukan dapat memberi kesan yang mendalam kepada seseorang. Tok mudim memberitahu bahawa apabila dewasa Adnan boleh menjadiseorang pahlawan negara. Adnan juga diingatkan jangan mensia-siakan amanah yang dipertanggungjawabkan. Contoh dialong ini mampu memujuk hati penonton untuk bagi sama-sama menjiwai serta menyelami situasi tersebut.

**5. Penghujahan**

Retorik penghujahan juga dikenali sebagai pemujukan rasional atau intelek. Retorik ini digunakan dalam sesuatu perbahasan, perdebatan, perbicaraan, dan penulisan yang bersifat akademik. Retorik penghujahan berfungsi sebagai medium yang digunakan oleh pengarang untuk memberi penerangan dan pernyataan dengan lebih tersusun, teratur dan lengkap, iaitu satu langkah kepada langkah yang lain. Retorik penghujahan turut menggunakan bahasa yang mempunyai intonasi dan nada yang menarik. Retorik ini ditampilkan dengan menggunakan bahasa yang formal, pemilihan diksi yang tepat dan makna yang jelas supaya khalayak sasaran dapat menerima mesej dengan berkesan. Contoh adalah seperti yang berikut:

**i. (Kawasan pekan)**

*Penduduk*

*Kampung A : sekarang ini sudah ada orang melayu berjawatan tinggi dalam tentera  
Inggeris.  
Mereka membuktikan bahawa orang melayu boleh maju setanding dengan  
askar-askar Seantero dunia. Inilah tujuan mesyuarat kita diadakan pada hari  
ini. Kita haruslah bersatu bersama-sama Kesatuan Melayu Muda.  
Jangan kita jadi seperti Dato Maharaja Lela, Dato Naning, Dato Bahaman*

*dan*

*Tok Janggut.Memang benar mereka juga turut berjuang tetapi perjuangan  
mereka tidak mendapat sokongan daripada rakyat sendiri. Malah mereka  
dianggap pemberontak dan penjahat oleh pihak British. Saudara-saudara  
sekalian,penjajah tetap penjajah. Mereka sengaja kelabukan mata kita*

*dengan*

*memutarbelitkan fakta sejarah. Dari itu saya menyeru saudara-saudara  
sekalian*

Contoh (i) di atas, menjelaskan mengenai sesuatu penghujahan berdasarkan mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Penerangan yang jelas dan pernyataan yang lebih tersusun mampu memberi kesan kepada penonton. Pendapat perlu disokong dengan bukti yang konkrit. Dalam filem ini menggambarkan bahawa Ibrahim Yaakob menjelaskan dengan berhujah bahawa sekarang ini sudah terdapat orang Melayu yang berjawatan tinggi dalam kalangan tentera Inggeris. Beliau juga mengingatkan ahli mesyuarat supaya jangan menjadi seperti Dato Maharaja Lela, Dato Naning, Dato Bahamah, dan Tok Janggut yang mana perjuangan mereka tidak mendapat sokongan daripada rakyat sendiri. Retorik penghujahan yang digunakan dengan menggunakan bahasa formal tersusun dan menyakinkan penonton sekali gus dapat menyampaikan mesej dengan berkesan. Mesej yang berkesan mampu untuk menarik perhatian kepada penonton.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapatan yang dibincangkan telah menunjukkan bahawa retorik dalam filem *Leftenan Adnan* membantu pengarah menyampaikan ideanya dengan berkesan dan mampu menarik perhatian penonton. Penggunaan retorik penceritaan, pendedahan, pemerian, pemujukan dan penghujahan menimbulkan kesan yang mendalam dalam menyampaikan mesej kepada penonton. Bahasa yang baik turut membantu mesej keseluruhan dapat dihayati oleh penonton. Maklumat dan mesej disalurkan melalui retorik ini dapat menjawab setiap persoalan yang bermain dalam fikiran khalayak.

Oleh itu, dapatlah kita katakan bahawa retorik merupakan aspek penting yang harus dikuasai oleh penulis sesebuah karya untuk memmanifestasikan idea, maklumat dan mesej dalam sesebuah filem yang ingin ditayangkan. Penguasaan aspek retorik ini, akan membantu penerbit serta pengarah menghasilkan karya yang dapat memberi sumbangan kepada perkembangan bangsa, agama dan negara.

## Rujukan

- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel *Salina* karya A.samad Said. *International Journal of :Language Education and Applied Linguistics*, 2, 49-59.
- Awang Sariyan (2006). Retorik sebagai alat berbahasa . *Pelita Bahasa*, 18(1), 8-12.
- Dixon.P.(1991) Retorik. Terj Ismail Hamzah Nasution. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Md. Sidin Ahmad Ishak, Mohd Saleh Rahamad. (2008). *Strategi berbahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Sulaiman Masri. (1997). *Konunikasi berkesan: Penulisan, rencana, ulasan*. Shah Alam: Fajar Bakti.